



KENYATAAN AKHBAR
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI TERKINI WABAK MEASLES DI KALANGAN ORANG ASLI DI
KUALA KOH, GUA MUSANG, KELANTAN;
KAMPUNG GERDONG, HULU TERENGGANU, TERENGGANU; DAN
KAMPUNG ULU SAT, JERANTUT, PAHANG

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan situasi terkini kejadian wabak measles dalam kalangan Orang Asli di ***Kuala Koh, Gua Musang Kelantan, Kampung Gerdong, Hulu Terengganu, Terengganu;*** dan ***Kampung Ulu Sat, Jerantut, Pahang.***

Tiga (3) kes baru dengan gejala saluran pernafasan dari **Kampung Kuala Koh, Gua Musang** telah dikesan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, iaitu **dua (2) kes dikesan pada 20 Jun 2019** dan **satu (1) kes dikesan pada 21 Jun 2019**. Dua daripada mereka, seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun dan seorang wanita dewasa berusia 24 tahun, kini dirawat di Wad Isolasi Hospital Kuala Krai. Manakala seorang lagi pesakit, seorang remaja perempuan berusia 18 tahun, dirawat di Wad Isolasi Hospital Gua Musang. Ketiga-tiga pesakit berada dalam keadaan stabil. Ini menjadikan kumulatif kes sejak **3 Jun hingga 21 Jun 2019** sebanyak **116 kes** dengan gejala saluran pernafasan.

Daripada jumlah tersebut, 47 kes telah disahkan measles melalui ujian makmal. Pada 21 Jun 2019, sebanyak **48 kes masih dirawat di hospital** iaitu **46 kes di wad biasa** dan **dua (2) kes di Unit Rawatan Rapi** di Hospital Kuala Krai.

Sejumlah **12 kes dengan gejala ringan ditempatkan di Rumah Inap Kesihatan Orang Asli (RIKA) di Gua Musang**, manakala **14 kes lagi ditempatkan di Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) Gua Musang**.

Sehingga 21 Jun 2019, tiada kes kematian baru dan **kes kematian yang dilaporkan kepada KKM kekal tiga (3)**. **Ketiga-tiga kes kematian ini telah disahkan measles melalui ujian makmal**. Manakala bedah siasat ke atas **12 mayat yang ditemui telah dijalankan serta sampel dihantar ke makmal dan sedang dijalankan ujian bagi mengetahui punca sebenar kematian**. Pemeriksaan antropologi juga sedang dijalankan ke atas 12 mayat ini untuk menentukan jantina, umur, bangsa, ketinggian dan jangkamasa kematian.

Sementara itu, pada 20 Jun 2019, **satu (1) kes baru disyaki measles dilaporkan dari komuniti Orang Asli di Kg. Gerdong, Hulu Terengganu, Terengganu menjadikan jumlah kes sebanyak 13 kes, dengan lapan (8) kes disahkan measles melalui ujian makmal**.

Tiada kes baru dikesan dari Kampung Ulu Sat, Jerantut, Pahang menjadikan bilangan kes sehingga 20 Jun 2019 sebanyak lapan (8) kes, dengan empat (4) kes disahkan measles melalui ujian makmal. Kesemua kes dari dua buah kampung ini mempunyai sejarah pergerakan / kontak

dengan komuniti dari Kuala Koh, Gua Musang. **Tiada penularan jangkitan measles melibatkan perkampungan lain dilaporkan.** Pemantauan diteruskan oleh semua Jabatan Kesihatan Negeri.

Sebagai respon kepada wabak measles ini, Pejabat Kesihatan Daerah sedang menjalankan aktiviti imunisasi measles kepada komuniti di kawasan-kawasan yang terlibat dan lokaliti berhampiran dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Tok Batin komuniti berkaitan.

Sebarang perkembangan lanjut mengenai kejadian wabak ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad
Menteri Kesihatan Malaysia

22 Jun 2019